

P'CES CLUBHOUSE 2023
(PROGRAM KEPIMPINAN JATIDIRI DAN CSR BERSAMA PENDUDUK/MASJID)

MASJID TELUK RAJA BAYANG,
PULAU PANGKOR,
PERAK

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR), PENDUDUK SETEMPAT, PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG,

Pada 24 November 2023 sehingga 26 November 2023 telah berlangsungnya satu program untuk ahli kelab Penang Civil Engineering Student's Society (P'CES) iaitu P'CES Clubhouse bertempat di Pulau Pangkor, Perak. Program ini disertai oleh seramai 28 pelajar Pengajian Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Pulau Pinang yang semuanya adalah dikalangan ahli kelab ini sendiri dan 2 orang pensyarah pengiring iaitu Ts Fairus Azwan Azizan dan En Zaini Endut.

Program ini adalah program kepimpinan dan khidmat komuniti dan dilaksanakan bertujuan untuk menajamkan sifat kepimpinan dikalangan para ahli dan juga meningkatkan jatidiri setiap ahli tersebut. Aktiviti dijalankan pada hari pertama program. Disamping itu juga, pada hari kedua, diadakan aktiviti pembersihan kawasan pantai pada waktu pagi. Pada waktu tengahari dijalankan lawatan rapat kasih iaitu sesi beramah mesra bersama komuniti setempat dan penduduk di Kampung Tengah, Pulau Pangkor. Selain jadual yang padat, peserta juga telah berkunjung ke Masjid Teluk Raja Bayang, Pulau Pangkor untuk menjalankan aktiviti CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) di masjid tersebut. Aktiviti ini dijalankan dengan pembahagian 2 kumpulan iaitu peserta lelaki bergotong royong membersihkan kawasan luar masjid dan peserta wanita membersihkan dan mencantikkan kawasan dalaman masjid.

Program ini telah mendapat peruntukan dari bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM CPP dan sumbangan daripada Pejabat Parlimen Lenggong, Perak iaitu Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Haji Nasarah.

IO28: BILANGAN PROGRAM KESUKARELAWANAN PELAJAR (KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA) YANG DIBIAYAI OLEH GERAN NASIONAL, ANTARABANGSA DAN INDUSTRI. SEMUA GERAN MESTI BERDAFTAR DENGAN RMC UNTUK TAHUN SEMASA. AKTIVITI BOLEH DIJALANKAN SAMA ADA SECARA FIZIKAL ATAU DALAM TALIAN. PTJ HENDAKLAH MELAPORKAN SEMUA AKTIVITI KEPADA SISTEM HEP.

PI029 : BILANGAN PROGRAM KEPIMPINAN YANG DIANJURKAN OLEH INSTITUT KEPIMPINAN PELAJAR, SEMUA FAKULTI, KOLEJ, DAN KAMPUS BAGI TAHUN SEMASA. PTJ MESTI MELAPORKAN KEPADA SISTEM HEP.

PI030 : BILANGAN SYARIKAT (GLC/ SME/ MNC/ STARTUPS) YANG TERLIBAT DALAM AKTIVITI KERJAYA (SECARA FIZIKAL ATAU MAYA) ANJURAN PPK/ FAKULTI/ KAMPUS. PTJ MESTI MELAPORKAN KEPADA SISTEM HEP.

PI031 : BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR YANG MENINGKATKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI MEREKA DI PERINGKAT ANTARABANGSA UNTUK TAHUN SEMASA. PTJ MESTI MELAPORKAN KEPADA SISTEM HEP.

Problem Statement

Kepentingan program ini dijalankan bagi membantu dan membimbing ahli baru kelab P'CES untuk bekerjasama dalam melakukan sesuatu perkara. Disamping itu, ahli kelab ini dapat belajar ilmu kepimpinan dan jatidiri untuk menjadi pelapis Majlis Tertinggi (MT) kelab P'CES dan juga sekretariat kelab. Program ini juga membantu meluaskan jaringan dengan penduduk setempat serta ahli jawatankuasa masjid disamping menjalankan aktiviti khidmat komuniti dengan gotong royong membersihkan kawan masjid.

Background

Pendedahan kepada pelajar dengan sifat Kepimpinan, Jatidiri dalam diri dan meluaskan jaringan bersama penduduk setempat dan komuniti

Method

Menyediakan aktiviti dalam kumpulan sesama ahli/peserta

Membuat aktiviti pembersihan pantai pulau pangkor

Mengadakan syarahan sesi perbincangan umum mengenai kepimpinan dan etika bekerja

Mengadakan program rapatkasih ke rumah-rumah penduduk

Menjalankan aktiviti gotong royong membersihkan Masjid Teluk Raja Bayang, Pangkor

Gambar Program













